



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 252692
Bil. : KEW.500-13/3/1 klt.3
Tarikh : 31 Disember 2012

- √ Setiausaha Kerajaan Negeri
- √ Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- √ Semua Pegawai Daerah
- √ Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
- Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Kuasa-Kuasa Tempatan Negeri
- Semua Presiden Majlis Perbandaran

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 5/2012
PINDAAN HAD KELAYAKAN DAN BAYARAN PERKHIDMATAN
PINJAMAN SKIM PINJAMAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI SABAH**

1. **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk:

- 1.1. Memaklumkan mengenai pindaan had kelayakan skim pinjaman kenderaan bagi anggota Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 1.2. Memaklumkan mengenai pindaan atas bayaran perkhidmatan pinjaman (kadar faedah pinjaman).

...2/



2. **LATAR BELAKANG**

Pada masa ini had kelayakan pinjaman ditetapkan berdasarkan surat pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 2/2010 bertarikh 15 Januari 2010 manakala bayaran perkhidmatan pinjaman ditetapkan dalam surat pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 4/1997 bertarikh 8 Julai 1997.

3. **PINDAAN**

Berikutan dengan pembentangan Bajet 2013, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa had kelayakan dan bayaran perkhidmatan pinjaman dipinda seperti berikut:-

3.1 Had Kelayakan Pinjaman

	<u>Jumlah Had</u>	<u>Kategori Pegawai Pinjaman (RM)</u>
(a)	Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama C ke atas	100,000.00
(b)	Kumpulan Pengurusan Gred 48 ke atas	75,000.00
(c)	Kumpulan Pengurusan Profesional Gred 41 ke atas	65,000.00
(d)	Kumpulan Sokongan Gred 17 ke atas	55,000.00
(e)	Untuk pembelian Motosikal	10,000.00
(f)	Untuk pembelian Enjin Motor Sangkut	7,500.00
(g)	Untuk pembelian Perahu	1,500.00
(h)	Untuk pembelian Basikal	1,000.00

3.2 Bayaran Perkhidmatan Pinjaman

Pegawai yang diluluskan pinjaman kenderaan akan dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak 3% setahun dan dikira daripada baki pinjaman bulanan berkurangan.

4. **SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN BALIK**

- 4.1. Peratusan potongan pinjaman kenderaan dengan potongan-potongan yang lain mestilah tidak lebih daripada 60% jumlah gaji kasar bulanan pemohon.
- 4.2. Pembayaran balik pinjaman kenderaan mesti tidak melebihi tempoh tarikh persaraan anggota Perkhidmatan Awam Negeri.
- 4.3 Had maksima tempoh pembayaran balik bagi kereta baru adalah 9 tahun.

5. **TARIKH KUATKUASA**


- 5.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013.
- 5.2 Syarat-syarat lain yang terkandung dalam surat pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 4/1997, JBNS Bil. 2/1999 dan surat pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 2/2010 adalah tidak berubah.

6. **PENUTUP**

Segala pertanyaan berkenaan dengan pelaksanaan pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Seksyen Akaun Amanah, Jabatan Bendahari Negeri di talian 088-272132/088-272147.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



[DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD TAHIR]
Setiausaha Tetap